



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	19/7/2019	MUKA SURAT	: 7
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Izaily Nurul Ain Hussein
izaily@hmetro.com.my

Kota Tinggi


Buru secara haram burung murai batu tempatan sebelum cuba diseludup dan dijual di pasaran gelap negara jiran Indonesia pada harga melebihi RM500,000.

Ini antara kegiatan sindiket yang ditumpaskan se-pasukan Jabatan Perhilitan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor selepas cuba menyeludup keluar 260 burung murai batu ke negara jiran dua hari lalu.

Pengarah Perhilitan Johor Salman Saaban berkata, semua burung berkenaan ditemui disembunahkan di dalam 23 sangkar di kawasan Hentian Rehat Layang. Le-buhanya Senai-Desaru.

CUBAAN SELUDUP MURAI BATU TUMPAS

Hentian rehat jadi transit



BURUNG murai batu yang dirampas Perhilitan Johor hasil operasi dilakukan di kawasan Hentian Rehat Layang, Lebuhraya Senai-Desaru, kelmarin.

"Berdasarkan maklumat awam, pasukan penguatkuasa Perhilitan Johor menemui semua haiwan itu jam 2 pagi.

"Semua burung itu diper-caya cuba dipindahkan ke dalam bot dan dihantar menggunakan jalan laut ke Indonesia," katanya.

Salman berkata, tiada tangkapan dilakukan kerana suspek melarikan diri daripada pasukan penguatkuasa Perhilitan Johor.

Beliau berkata, kawasan Hentian Rehat Layang meng-hala Bandar Penawar, Kota Tinggi dipercayai dihidkan kawasan penyerahan hi-dupan liar itu kerana kawasan berkenaan mempunyai

banyak laluan keluar alter-natif untuk mengelakkan di-tangkap pihak berkuasa.

Katanya, murai batu men-dapat permintaan tinggi di negara jiran dan boleh dijual RMI,000 hingga RM2,000 sekor bergantung kepada kecantikan dan kemanduaan suaranya.

"Murai batu adalah spesies dilindungi mengikut Seksyen 60 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716). Sesiapa yang memburu atau menyimpan hidupan liar yang dilindungi boleh di-denda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara ti-dak lebih dua tahun atau ke-dua-duanya, jika sabit ke-salahan," katanya.